

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU**  
**[ TUARAN ]**

**TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sejak penubuhannya dan berapakah pula peruntukan tahunan AIM Sabah sejak ditubuhkan sehingga sekarang dan apakah status kejayaannya untuk membasmi kemiskinan di kalangan wanita.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) ialah sebuah badan Amanah Persendirian yang ditubuhkan pada 17 September 1987 melalui Suratcara Perjanjian AIM dan didaftarkan di bawah Akta Amanah (Pemerbadanan) 1952 (pindaan 1981) (Akta 258).

Sehingga kini, jumlah dana pembiayaan modal yang telah diterima oleh AIM daripada Kerajaan Persekutuan, iaitu dalam bentuk pinjaman dan geran semenjak tahun 1996 ialah sebanyak RM1.199 billion. Daripada jumlah tersebut, sehingga 31 Disember 2014, sebanyak RM141.58 juta telah diperuntukkan kepada AIM Sabah. Ia telah memberikan faedah kepada 67,779 sahabat AIM di Sabah.

Berdasarkan rekod AIM, trend peningkatan pendapatan sahabat AIM yang berada dalam kelompok pendapatan tinggi (lebih RM 3,500 sebulan) telah meningkat dari 22.3% pada tahun 2012 kepada 35.8% sehingga pada September 2014. Trend ini menunjukkan sahabat yang berada dalam kelompok pendapatan di bawah RM2,000 sebulan telah berkurang. Ini memberi petunjuk bahawa operasi AIM telah memberi kesan yang positif dalam meningkatkan pendapatan sahabat AIM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18 MAC 2015  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA  
[ BAKRI ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan lesen perniagaan, lesen sementara perniagaan telah dikeluarkan mengikut setiap pihak berkuasa tempatan, berapakah permohonan yang masih diproses dan telah ditolak setiap tahun daripada 2010 hingga 2014.

## JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2014, jumlah lesen perniagaan kecil yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di semua 14 negeri adalah sebanyak 80,902. Negeri Selangor mengeluarkan bilangan lesen perniagaan kecil tertinggi iaitu 21,362 dan diikuti oleh Sarawak (19,131) dan Johor (7,907). Berikut adalah perincian jumlah lesen yang dikeluarkan oleh PBT pada tahun 2014:

**JUMLAH LESEN / PERMIT PERNIAGAAN KECIL YANG DIKELUARKAN OLEH  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)  
DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2014**

NEGERI	PASAR MALAM	PASAR TANI	PASAR AWAM / BASAH	PENJAJA (STATIK)	PENJAJA (BERGERAK)	RUANG NIAGA DI PASARAYA / HYPERMARKET	JUMLAH
Johor	2,794	448	962	1,827	701	1,175	7,907
Kedah	1,898	109	498	695	371	706	4,277
Kelantan	1,161	1,543	1,117	293	184	207	4,505
Melaka	829	13	236	813	391	45	2,327
Negeri Sembilan	709	20	48	376	269	76	1,498

NEGERI	PASAR MALAM	PASAR TANI	PASAR AWAM / BASAH	PENJAJA (STATIK)	PENJAJA (BERGERAK)	RUANG NIAGA DI PASARAYA / HYPERMARKET	JUMLAH
Pahang	1,390	55	867	1,521	519	507	4,859
Perak	1,008	71	560	481	321	119	2,560
Perlis	235		7	22	7	1	272
Pulau Pinang	517	1	636	389	435	3	1,981
Sabah	366	110	227	299	217	39	1,258
Sarawak	2,439	3,005	13,076	496	71	44	19,131
Selangor	10,320	1,445	3,198	3,501	878	2,020	21,362
Terengganu	1,757	450	2,610	844	349	377	6,387
W.Persekutuan	44	315	100	293	1,673	153	2,578
<b>JUMLAH</b>	<b>25,467</b>	<b>7,585</b>	<b>24,142</b>	<b>11,850</b>	<b>6,386</b>	<b>5,472</b>	<b>80,902</b>

Sumber : Jabatan  
Kerajaan Tempatan

Manakala pada tahun 2013, jumlah lesen perniagaan kecil yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di 11 buah negeri adalah 54,645.